

Hasil pertanian lebih tinggi jika diusahakan secara estetik

U.M. - 7 AUG 1992

KUANTAN 6 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pertanian pada masa hadapan hanya boleh memberikan hasil yang lebih tinggi dan lumayan jika ia diusahakan secara estetik besar-besaran.

Sambil mengajak para petani menerima perubahan ini, beliau menegaskan, sistem estetik adalah

satu-satunya jalan keluar terhadap masalah dalam sektor pertanian.

Pada masa depan, katanya, lambat laun anak-anak penanam padi, pekebun sayur, buah-buahan, penternak dan nelayan tidak lagi berminat untuk berbakti kepada tanah.

"Akan sampai satu ketika pi-

lian terpaksa dibuat, oleh jika kita masih ingin bertani lebih baiklah kita menerima perubahan mulai sekarang dan membuat persediaan yang diperlukan. Jawapannya ialah ladang-ladang yang luas yang ditadbir secara sistem koperasi atau syarikat perladangan," ujar beliau.

Berucap merasmikan pelancar-

an Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1992 di Taman Pertanian Indera Mahkota di sini, Dr. Mahathir menambah, adalah tidak mustahil penanaman padi, buah-buahan dan sayur-sayuran boleh memberikan hasil yang lebih tinggi jika ia diusahakan secara estetik.

Beliau berkata, perubahan ini terpaksa diterima dan di masa depan, semua sektor pertanian termasuk menternak lembu dan kambing, rusa, arnab dan lain-lain binatang menurut sistem estetik besar-besaran.

Terlatih

Di laut pula, katanya, tangkapan ikan akan dibuat oleh bot besar di laut dalam.

Perdana Menteri menambah, satu lagi persediaan yang perlu dilakukan ialah petani pada masa depan perlu terdiri daripada orang-orang yang terpelajar dan lebih terlatih dalam penggunaan alat-alat moden.

Mereka juga, tegasnya, mestilah cekap dalam bidang pengurusan estetik dan memiliki saham dalam syarikat besar mengikut nilai tanah dan harta mereka.

"Bahkan pengurusan ladang akan dibuat oleh pengurus profesional mungkin daripada kalangan anak-anak petani itu sendiri.

"Inilah sebenarnya wawasan pertanian kita... mungkin

berbagai-bagai rintangan dan kekecewaan akan dihanmgi dalam perjalanan ke arah wawasan ini tetapi bangsa yang cekap ialah bangsa yang sanggup menerima kenyataan ini dan membuat persediaan," katanya lagi.

Jelas Perdana Menteri, langkah pertama ke arah wawasan ini ialah dengan menentukan sikap yang betul.

Beliau berkata, kesanggupan menerima perubahan sememangnya pada peringkat awal akan mrnerima bantahan dan bangkangan kerana keraguan dan kecenderungan untuk hidup dengan keadaan yang biasa.

Ini, katanya, adalah sifat semulajadi manusia tetapi sebaliknya jika sikap sanggup menerima perubahan ini dipupuk, perubahan akan berlaku secara lebih licin dan tersusun serta menda-tangkan lebih banyak manfaat.

Perubahan

Beliau mengingatkan para petani bahawa mereka yang berhempas pulas menentang perubahan tidak akan berjaya kerana akhirnya perubahan akan berlaku juga. Hanya kerugian sahaja yang diperolehi daripada sikap

tidak sanggup menerima perubahan ini.

Dr. Mahathir berkata, sekarang ini kecekapan yang tinggi tidak boleh dimanfaatkan sepenuhnya walaupun pertanian sudah menggunakan jentera moden kerana cara-cara pengurusan pertanian masih dijalankan secara per-sendirian dan kecil-kecilan.

Jelasnya, sawah padi, kebun buah-buahan dan sayur masih kecil dan dimiliki oleh orang perseorangan yang biasanya kekurangan modal.

"Kita tahu bahawa ladang getah dan kelapa sawit yang besar

mengeluarkan hasil yang lebih tinggi bagi setiap satu hektar daripada ladang kecil.

"Sebenarnya luas estet getah yang besar jika dijumlahkan hanyalah setengah sahaja daripada jumlah luasnya estet pekebun kecil sebaliknya jumlah pengeluaran oleh estet besar adalah sekali ganda lebih daripada jumlah semua getah yang dikeluarkan oleh pekebun kecil," kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir menegaskan, jika para petani tidak mahu membuat perubahan, mereka akan menghadapi masalah yang lebih besar.